

Mangsa banjir belum berdaftar giat dikesan

BH- 29/12/2021

m/s: 2

Usaha pastikan agihan Bantuan Wang Ihsan dapat disalurkan segera

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri

(JPM) sedang giat mengesan mangsa banjir yang belum berdaftar, dalam usaha memastikan agihan Bantuan Wang Ihsan (BWI) dapat disalurkan segera kepada mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata bantuan berkenaan sudah mula diagihkan kepada mangsa banjir mulai kelmarin.

“Dana yang diperuntukkan Kerajaan Persekutuan untuk disalurkan kepada mangsa banjir perlu dipermudah dan disegerakan.

“Sehingga semalam (kelma-

rin), kerajaan telah salurkan RM34 juta untuk diagihkan kepada 34,000 ketua isi rumah di negeri-negeri yang terjejas banjir,” katanya dalam satu hantaran di Facebook, semalam.

Ismail Sabri berkata, Mesyuarat Task Force Pengurusan Pasca Banjir dan Kesiapsiagaan Menghadapi Gelombang Kedua Bencana Banjir yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali kelmarin, memutuskan serahan tunai dilaksanakan bagi memastikan BWI diserahkan segera.

Jelasnya, tiga kaedah diguna-

kan bagi memudahkan urusan penyaluran BWI secara lebih efektif dan pantas.

“Tiga kaedah digunakan bagi penyaluran BWI iaitu serahan tunai di PKOB atau kedua, serahan tunai rumah ke rumah dan ketiga, pemindahan tunai secara atas talian (EFT).

“Bantuan ini sudah mula diagihkan pada peringkat PKOB dengan kerjasama ICU, JPM,” katanya.

Pada 19 Disember lalu, Ismail Sabri mengumumkan pemberian bantuan sebanyak RM1,000 kepada setiap ketua keluarga yang

“Dana yang diperuntukkan Kerajaan Persekutuan untuk disalurkan kepada mangsa banjir perlu dipermudah dan disegerakan”

Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri



terjejas akibat bencana banjir.

Selain itu, bantuan pengurusan kematian kepada waris mangsa yang terkorban dalam kejadian banjir turut dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM10,000.